

Nama:.....

Kelas:

Lengkapkan plot cerita Novel Meniti Impian berikut. DSKP: SP 4.3.1

Permulaan – Zahar terpaksa melupakan hasratnya untuk belajar di tingkatan enam kerana masalah (1)_____. Bapanya sudah meninggal dunia. Emaknya pula sudah tua dan sering sakit. Dua orang adiknya masih bersekolah. Bagi membantu meringankan beban emaknya, Zahar menolong bapa saudaranya, (2)_____ di bengkel pertukangan perabot. Walaupun demikian, Zahar tetap menyimpan (3)_____ untuk berjaya pada masa depan.



Perkembangan – Permohonan Zahar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang (4)_____ di IKM telah berjaya. Zahar memberitahu (5)_____ tentang hal tersebut. Semasa di sekolah dahulu, hubungan Zahar dengan Suhaili begitu rapat. Namun begitu, sejak Suhaili menyambung pelajaran di ITM keadaan tersebut terus berubah. Zahar berasa kecewa dan terluka apabila Suhaili (6)_____ hasratnya untuk menyambung pelajaran di IKM dalam bidang Pertukangan Perabot. Namun Zahar tidak berputus asa. Semasa di IKM Zahar telah bertemu dengan (7)_____ yang mengambil jurusan (8)_____. Semasa di IKM, Zahar telah menunjukkan prestasi yang amat cemerlang dalam peperiksaan dan juga latihan amali.



Klimaks – Zahar mendapat tawaran membuat latihan praktikal di (9)_____ di kawasan perindustrian Kamunting, Taiping, Perak. Sikapnya yang rajin menyebabkan dia menjadi pelatih yang cemerlang. Di sana dia telah bertemu dengan Suhaili yang secara kebetulan turut bekerja di situ. Suhaili cuba memberikan (10)_____ kepada Zahar tetapi demi prinsip, dia telah menolaknya mentah-mentah. Suhaili berasa malu dan kesal atas perbuatan dan kata-katanya dahulu terhadap Zahar. Zahar telah memaafkannya dan cuba (11)_____ segala kenangan antara mereka berdua.



Peleraian – Zahar berjaya menamatkan latihan praktikalnya dengan cemerlang. Selepas tamat belajar dia berjaya juga memenuhi impiannya selama ini untuk menjadi (12)_____ yang terkenal. Bermodalkan pinjaman daripada MARA dan sumbangan daripada Pak Yusuf, Zahar akhirnya berjaya membuka sebuah bengkel pertukangan perabot di atas tanah milik emaknya. Bengkel perabotnya menjadi terkenal di seluruh tanah air selepas rencana tentang bengkel tersebut disiarkan dalam (13)_____.